

CNS5395

UGB10-12 001.56 BA813

aab

MALAYSIA Bimbang Keganasan Tercetus Di Soviet Union

Mahathir - Soviet.

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Malaysia khawatir keganasan mungkin tercetus di Soviet Union jika ekonomi negara itu tidak dipulihkan semula.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyatakan kebimbangan itu hari ini, berkata rakyat negara itu terutama bekas anggota tentera yang kini tiada pekerjaan akan mulagelisah jika masalah ekonomi yang buruk berterusan.

+Perkara yang penting sekarang bukan soal pemisahan tetapi soal pemulihan ekonomi, + katanya kepada pemberita ketika mengulas pergolakan di Soviet Union yang kini menghadapi perpecahan.

Semalam tiga republik -- Russia, Belorussia dan Ukraine -- yang merangkumi 70 peratus daripada jumlah penduduk dan ekonomi Soviet Union membentuk satu komanwel dan mengumumkan Soviet Union tidak lagi wujud.

Ketika mengulas perkembangan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau telah menduga bahawa perkara itu tidak dapat tidak akan berlaku. -- Lagi.

♥10/12/18-25MST

CNS5420

UGB 10-12 00141 BA816

aab

Mahathir - Soviet 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada **Malaysia** akan mengiktiraf komanwel yang dibentuk tiga republik itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata soal pengiktirafan tidak perlu dibuat waktu ini.

Bagaimanapun, Malaysia akan mengadakan hubungan dengan semua republik bekas anggota Soviet Union, ka tanya sel epas melancarkan Larian Sokongan Sukan Komanwel 1998 di Dataran Merdeka.

Mengenai kunjungan Menteri Industri, Teknologi dan Perdagangan Australia, Sir John Button di pejabatnya hari ini, Perdana Menteri berkata negara itu menyangka hasrat mengadakan hubungan baik terutama dalam bidang dagangan dengan Malaysia.

+Kita bersetuju... kita tak ada masalah dengan kerajaan Australia sekarang kerana ia kini mempunyai pendirian yang berbeza dengan pendirian akhbar di negara itu... ini yang kita hendak, + katanya.

Katanya, sikap media Australia sememangnya telah diketabui Malaysia dan tidak perlu diberikan perhatian. -- Lagi.

♥10/12/18-44MST

CNS5433

UGB10-12 00090 AA820

aab

Mahathir - Soviet 3 Kuala Lumpur (akhir)

Hubungan kedua-dua negara renggang tidak berapa lama dahulu setelah media massa Australia menyiarkan laporan clan siritelevisyen yang memburuk-burukkan Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata jawatankuasa kabinet yang membincangkan Sistem Saraan Baru (SSB) kaki tangan kerajaan semalam membuat keputusan mengenai beberapa perkara khusus.

Katanya, mesyuarat itu merupakan yang terakhir sebelum pelaksanaan SSB.

Menurutnya, tidak ada banyak perbezaan dalam keputusan jawatankuasa itu berhubung SSR daripada pengumuman yang dibuatnya Oktober lepas. -- Bernama.

♥10/12/18-54MST